

Ruj. Kami : UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 4 (38)  
Tarikh : 21 Disember 2021

**Semua Pelajar  
Universiti Teknologi Malaysia**

Saudara/i,

**PEMAKLUMAN CUTI BENCANA KEPADA PELAJAR YANG TERKESAN AKIBAT  
BANJIR KILAT LUAR BIASA BAGI SEMESTER I SESI 2021/2022**

Perkara di atas adalah dirujuk.


2. Kejadian banjir kilat luar biasa yang berlaku di beberapa buah negeri di Malaysia telah menjasarkan pelajar-pelajar UTM untuk menghadiri sesi perkuliahan dan juga aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lain.
3. Oleh yang demikian, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada 21 Disember 2021 bersetuju memberikan pertimbangan khas iaitu CUTI BENCANA kepada semua pelajar yang terlibat dan terkesan. Pelajar-pelajar yang terlibat perlu menghubungi pensyarah masing-masing dan diselaraskan oleh Pihak Pengurusan Fakulti/Sekolah. Sehubungan dengan itu, SESI PERKULIAHAN AKAN BERJALAN SEPERTI BIASA.
4. Seluruh warga UTM mendoakan agar semua pelajar dan keluarga yang terkesan akibat banjir kilat ini akan dipermudahkan urusan dan diberi ketabahan untuk mengharungi ujian ini serta dilindungi daripada perkara-perkara yang memudharatkan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. SR DR. HISHAMUDDIN BIN MOHD. ALI)**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Malaysia

- sk - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
- Timbalan Naib Canselor ( Penyelidikan dan Inovasi)  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
- Pendaftar  
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)  
- Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh  
- Dekan Fakulti/Pengerusi Sekolah